



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 8 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INKUBATOR PERIKANAN LABUAN SIAP DIBINA, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -34	JABATAN PERIKANAN (DOF)

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Inkubator perikanan Labuan siap dibina		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	08 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	34	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 847
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,541



PUSAT Kecemerlangan Perikanan Labuang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Bah Piyan Tan

Inkubator perikanan Labuan siap dibina

LABUAN: Pusat Kecemerlangan Perikanan Labuan, dikenali sebagai inkubator usahawan perikanan bernilai RM181,160 telah siap dibina dan memulakan operasinya secara rasmi semalam.

Inkubator kedua Jabatan Perikanan Labuan itu adalah kemudahan yang disediakan bagi membantu usahawan perikanan baharu untuk memulakan penghasilan produk perikanan.

Menurut Pengarah Jabatan Perikanan Labuan Faizal Ibrahim Suhaili, inkubator itu dibina pada Julai 2019 dan siap pada Oktober 2019.

“Objektif pembinaan premis ini adalah untuk membantu dan melahirkan usahawan dalam industri hasil laut khususnya di Labuan,” katanya selepas majlis perasmian pusat kecemerlangan itu di ruang legar belakang Bangunan Jabatan Perikanan,

Jalan Patau-Patau dekat sini.

Ia dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Bah Piyan Tan.

Sejak mula beroperasi, tiga produk hasil laut telah berjaya dihasilkan di inkubator kedua itu iaitu ikan tepung tuna, kerisik dan bebola ikan tuna manakala inkubator pertama menghasilkan sate ikan tuna.- Bernama